

Tanggungjawab rakyat pilih pemimpin berakhlak mulia

Pemilihan pemimpin bukan suatu perkara yang boleh dipandang ringan. Sebaliknya, dari perspektif Islam, pemilihan ini dianggap sebagai suatu amanah dan tanggungjawab besar yang perlu ditunaikan rakyat.

Menurut Ibn Hazim al-Andalusi dalam *al-Fasl fi Milal wa al-Nihal*, Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat atas kewajipan melantik ketua negara.

Ini bermakna, rakyat mempunyai hak dan sekali gus dipertanggungjawabkan untuk memilih pemimpin mereka.

Utama moral, akhlak pemimpin

Bagaimanapun, Islam tidak membenarkan umatnya memilih pemimpin sewenang-wenangnya. Moral dan akhlak perlu diberi perhatian kerana kesannya besar terhadap negara dan rakyat. Golongan yang peribadinya diragui tidak layak dipilih sebagai pemimpin.

Dalam konteks di Malaysia, hak rakyat untuk mengundi dan memilih pemimpin mereka sememangnya diakui memandangkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Bagaimanapun, sejauh mana rakyat memanfaatkan dan menunaikan hak ini? Sejauh mana mereka sedar dan peka terhadap kewajipan mereka untuk memilih pemimpin negara?

Hingga kini seramai 140,000 orang yang layak mendaftar sebagai pemilih tidak berbuat demikian di Negeri Sembilan.

Ini menunjukkan tahap kesedaran untuk turun mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) masih lagi rendah.

Keadaan ini berbeza di tujuh negeri iaitu Selangor, Johor, Perak, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Kedah.

Peningkatan bilangan pengundi di tujuh negeri

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pengundi masing-masing meningkat sekurang-kurangnya seramai 150,000 pengundi. Daripada tujuh negeri berkenaan, Selangor mencatatkan peningkatan terbesar bilangan pengundi baru iaitu sebanyak 29.06 peratus iaitu daripada 1,565,494 pada 2008 kepada 2,020,500 pada suku ketiga tahun lalu.

Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata peningkatan yang besar ini adalah satu perkembangan positif bagi demokrasi.

Terdapat perbincangan dalam kalangan ulama dalam menentukan hukum mengundi. Berdasarkan fatwa Syeikh al-Azhar, Syeikh Ahmad Tayyin dan Mufti Mesir, Syeikh Ali Jumaah, hukum mengundi adalah wajib berdasarkan konsep penyaksian iaitu memberikan saksi bahawa calon yang diundi adalah baik dan layak untuk memegang amanah sebagai pemerintah.

Mazyyah Osman

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)